



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

Pendidikan

# Muzik


Pendidikan Khas



Tingkatan

4





# **RUKUN NEGARA**

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**

mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan  
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara  
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap  
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan  
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan  
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS

# PENDIDIKAN **MUZIK**

PENDIDIKAN KHAS

Tingkatan 4

PENULIS

Ahmad Hafzan Hassan

Rosman Adam

EDITOR

Puteri Nur Solehah Megat Salleh

PEREKA BENTUK

Fara Ilyani Zohri

ILUSTRATOR

Aqilah Zainuddin

 aras mega (m) sdn bhd  
(164242-W)

2019





# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No Siri Buku : 0150

KPM2019 ISBN 978-967-2212-53-9

Cetakan Pertama 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:  
Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (164242-W)  
No. 18 & 20, Jalan Damai 2,  
Taman Desa Damai, Sungai Merab,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.  
No. Telefon: 03-89258975  
No. Faksimile: 03-89258985  
Laman Web: [www.arasmega.com](http://www.arasmega.com)

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:  
Attin Press Sdn. Bhd.  
No 8, Jalan Perindustrian PP4,  
Taman Perindustrian Putra Permai,  
43300 Seri Kembangan, Serdang,  
Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Prof Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Pusat Kebudayaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 14 (I).
- Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sentul.
- Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bandar Baru Bangi.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.





# Kandungan

**Pendahuluan**

v

**Senarai Ikon**

vi

## UNIT 1

### DESAKU DAMAI

- Meter  $\frac{2}{4}$
- Semikuaver
- Pencapaian Diri

4  
6  
10

## UNIT 2

### NYANYIAN JIWA

- Etika
- Tanda Isyarat
- Pencapaian Diri

14  
16  
20

## UNIT 3

### UKIRAN IRAMA

- Corak Irama
- Dinamik
- Pencapaian Diri

24  
27  
30

## UNIT 4

### GETARAN ANGKLUNG

- Angklung
- Penghasilan Folio
- Pencapaian Diri

34  
39  
40

## UNIT 5

### SENI DAN BUDAYA

- Ensembel Angklung 44
- Etika Bermain Alatan Muzik 46
- Pencapaian Diri 50

## UNIT 6

### GAMELAN

- Gamelan 54
- Pencapaian Diri 63

## UNIT 7

### TARI TRADISI

- Bermain Gamelan 66
- Etika Bermain Gamelan 70
- Penghasilan Karya Muzik 72
- Pencapaian Diri 73

### Glosari

74



# Pendahuluan

Buku teks Pendidikan Muzik (Pendidikan Khas) Tingkatan 4 ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdPC) di dalam dan luar bilik darjah. KSSM Pendidikan Khas mempunyai matlamat supaya murid dapat melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai seterusnya murid mempunyai kesedaran dan penghargaan terhadap estetik muzik dari pelbagai genre.

KSSM Pendidikan Khas Pendidikan Muzik Tingkatan 4 mengandungi empat komponen utama bagi menyediakan Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang berpengetahuan, berkemahiran, berdikari, bersosialisasi dan mengamalkan nilai.

Kemahiran Abad ke-21, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) merupakan antara aspek-aspek yang mahu diterapkan kepada keempat-empat komponen tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid.

Empat komponen yang terdapat dalam buku teks ini ialah:

## Elemen Muzik



Murid dapat mengetahui dan memahami konsep bagi unsur-unsur asas dalam muzik melalui aspek seperti bentuk, corak irama, melodi, ekspresi, irama, warna ton, tempo dan harmoni. Untuk mencapai tujuan itu, murid perlu mendengar, mengajuk, merasa, menyanyi dan memainkan alat muzik serta menulis notasi muzik.

## Pengalaman Muzikal



Pengetahuan dan kemahiran asas dalam nyanyian, permainan alat muzik dan seni tari. Dalam aspek ini, murid melibatkan diri dalam aktiviti ketiga-tiga bidang tersendiri seperti nyanyian, permainan alat muzik dan seni tari.

## Penghargaan Estetik



Dapat memberikan pandangan kepada penghasilan karya dan persembahan muzik. Dengan cara ini murid dapat menghargai, menilai dan memberi ulasan secara kritis kepada setiap muzik yang didengar atau ditonton daripada pelbagai genre muzik rakyat Malaysia.

## Ekspresi Kreatif



Ekspresi Kreatif adalah menyatakan persepsi, perasaan dan idea kreatif. Melalui aspek ini, murid dapat mencipta idea-idea yang kreatif menerusi aktiviti meneroka, mengimprovisasi dan menghasilkan ciptaan berasaskan corak irama.



# Senarai Ikon

Buku teks ini juga disertakan beberapa ikon seperti di bawah bagi membantu murid meningkatkan pemahaman dan minat terhadap topik pembelajaran yang bakal dipelajari oleh murid.



Membantu murid memahami pembelajaran dengan lebih berkesan melalui kaedah pendengaran daripada audio.



## Aktiviti

Aktiviti di dalam dan di luar kelas untuk membantu menguasai pembelajaran yang dipelajari.



EMK Elemen Merentas Kurikulum.



Info tambahan untuk membantu menambahkan pengetahuan murid.



## Pengukuhan Minda

Latihan yang menguji kefahaman murid mengenai topik yang sudah dipelajari.



## Pencapaian Diri

Latihan mengenai keseluruhan satu unit pelajaran.



## Imbas Kembali

Mengimbas kembali topik yang pernah dipelajari.



Penyediaan maklumat tambahan terus ke laman sesawang melalui *QR Code* yang disediakan.

s.p

Nombor Standard Pembelajaran untuk rujukan guru.

## NOTA GURU

Panduan kepada guru untuk menjalankan aktiviti bersama-sama dengan murid.



Soalan yang menguji tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) murid.



Panduan kepada guru tentang halaman latihan yang perlu dicetak untuk diberikan salinan kepada murid.



Kemahiran Abad ke-21



# Warisan Muzik Kita

Kemahiran yang akan dipelajari oleh murid:

## Unit 1 DESAKU DAMAI

- Meter  $\frac{2}{4}$
- Lagu – Congkak
- Not dan Tanda Rehat Semikuaver

- Etika
- Lagu – Etika Bernyanyi
- Tanda Isyarat *Staccato*, *Tie* dan *Slur*
- Lagu – Permainan Tradisional

## Unit 2 NYANYIAN JIWA

## Unit 3 UKIRAN IRAMA

- Corak Irama
- Penghasilan Folio – Corak Irama
- Dinamik
- Bermain Alat Muzik Mengikut Dinamik

- Angklung
- Teknik Bermain Angklung (Getar, Centok, Tengkep)
- Penghasilan Folio – Angklung

## Unit 4 GETARAN ANGLUNG

## Unit 5 SENI DAN BUDAYA

- Ensemble Angklung
- Etika Bermain Alatan Muzik
- Lagu – Burung Kakak Tua

- Gamelan
- Alatan Perkusi Gamelan

## Unit 6 GAMELAN

## Unit 7 TARI TRADISI

- Bermain Gamelan
- Lagu – Timang Burung
- Etika Bermain Gamelan
- Penghasilan Karya Muzik

**STANDARD PEMBELAJARAN**

Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:



1.1.1 Mengenal pasti meter  $\frac{2}{4}$ .



1.1.2 Menepuk mengikut detik pada lagu bermeter  $\frac{2}{4}$ .



1.5.1 Mengenal pasti not, nilai dan tanda rehat semikuaver.



1.5.2 Menulis not muzik pada baluk.





Rumah Melayu merupakan sebuah tempat kediaman yang dibina oleh penduduk etnik Melayu di Tanah Melayu sebelum kedatangan pengaruh asing. Rumah Melayu ini dibina dengan menggunakan bahan semulajadi seperti kayu dan buluh. Namun, pada masa sekarang kebanyakan seni bina rumah Melayu telah ditambah dengan bahan binaan seperti simen, seramik, genting dan masih mengekalkan ciri-ciri rumah Melayu yang lama.



# METER $\frac{2}{4}$

Meter atau tanda masa ialah panduan kepada bilangan detik bagi setiap bar dalam sesebuah karya muzik.

The image shows a musical staff with a treble clef and a 2/4 time signature. It contains four measures of music. Each measure starts with a quarter note followed by an eighth note. The first note in each measure is circled with a dashed line and has an accent (>) above it. Green arrows point from these circled notes to a callout box below.

Audio 1.1  
Detik Pertama Meter  $\frac{2}{4}$

Detik pertama bagi setiap bar

> Bermaksud simbol tekanan (*accent*)  
Not yang bertanda perlu > dimainkan kuat sedikit.

Angka 2 di bahagian atas bermaksud dua detik di dalam satu bar.

Angka 4 di bahagian bawah mewakili jenis not kroket.



## Imbas Kembali

Mari kita imbas kembali detik bagi meter  $\frac{4}{4}$  dan meter  $\frac{3}{4}$ .

The image shows a musical staff with a treble clef and a 4/4 time signature. It contains four measures of music. Each measure starts with a quarter note followed by three eighth notes. The first note in each measure is circled with a dashed line and has an accent (>) above it.

Audio 1.2  
Meter  $\frac{4}{4}$

The image shows a musical staff with a treble clef and a 3/4 time signature. It contains four measures of music. Each measure starts with a quarter note followed by two eighth notes. The first note in each measure is circled with a dashed line and has an accent (>) above it.

Audio 1.3  
Meter  $\frac{3}{4}$





## Aktiviti

Lagu Congkak ialah lagu bermeter  $\frac{2}{4}$ . Dengar dan tepuk tangan mengikut detik dengan betul.

# CONGKAK



Menganalisis dan Mengaplikasi

$\text{♩} = 120$

Lagu dan Lirik: A. Hafzan Hassan

Sheet music for the song "Congkak" in G major, 2/4 time. The music is divided into six systems, each with a key signature of one sharp (F#) and a common time signature of 2/4. The lyrics are written below the notes.

System 1 (Measures 1-6):  
 G C Dm  
 Da - ri ka - yu di - cip - ta Em-pat be - las lu-bang pa - da -  
 Du - a pe - ma - in sa - ja sa-ngat mu-dah me-ma - in - kan -

System 2 (Measures 7-12):  
 G G C  
 nya nya Bi - ji gu - li di - gu - na Cong-  
 nya Bi - la su - dah ber - mu - la Sam-

System 3 (Measures 13-18):  
 Dm G Dm  
 1. kak di - be - ri na - ma... 2. pai pe-tang a - syik - nya

System 4 (Measures 19-24):  
 G C Dm G  
 — li - gat gu - li di - le - tak... da - ri lu -

System 5 (Measures 25-30):  
 C Dm G C Dm  
 bang ke lu-bang cong kak... Ber-hen - ti di lu-bang ko...



System 6 (Measures 31-36):  
 G C Dm G G  
 song Di ki - ra ma - ti... ti...





### NOTA GURU

- Bimbing murid tepuk tangan mengikut detik pada Lagu Congkak dengan betul.


# SEMIKUVER




























Nama Not	Simbol Not	Simbol Tanda Rehat Not	Nilai Not
Semikuaver			$\frac{1}{4}$ detik



Empat  boleh ditulis sebagai 

Nilai Semikuaver ialah  $\frac{1}{4}$ . Untuk memberi lebih pemahaman berkenaan  $\frac{1}{4}$  ialah dengan menganggap satu bulatan (1 krocet) dibahagi empat (4 semikuaver).



Detik / Not	Detik 1	Detik 2	Detik 3	Detik 4												
Semibrif (4 detik)																
Minim (2 detik)																
Krocet (1 detik)																
Kuaver ( $\frac{1}{2}$ detik)																
Semikuaver ( $\frac{1}{4}$ detik)																

 Audio 1.7  
Semibrif

 Audio 1.8  
Minim

 Audio 1.9  
Krocet

 Audio 1.10  
Kuaver

 Audio 1.11  
Semikuaver

## NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali not semikuaver.
- Bimbing murid untuk mengenali not-not muzik yang lain.

S.P

I.5.1



## Imbas Kembali

Nilai not semibrif, minim, krocet dan kuaver.



Pemikir dan Bermaklumat

Nama Not	Simbol Not	Simbol Rehat Not	Nilai Not
Semibrif			4 detik
Minim			2 detik
Krocet			1 detik
Kuaver			$\frac{1}{2}$ detik



## Penguhan Minda

I Bagi menguji kefahaman anda mengenai nilai not semikuaver, kirakan nilai not di bawah.

Contoh:  $\frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} = 1$  Nilai

a  $\frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} = \square$  Nilai

b  $\frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{2} + \frac{1}{2} = \square$  Nilai

c  $\frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{2} + \frac{1}{2} = \square$  Nilai



Perbanyakkan muka surat ini untuk diedarkan kepada murid. (Muka surat ini juga terdapat dalam CD).

2 Salin semula skor lagu Gasing di bawah pada baluk kosong yang disediakan.



# GASING

♩ = 95

Lagu Tradisional


=

5

9

13





## Menyanyi dan Menepuk

- 1 Bahagikan murid-murid kepada dua kumpulan.
- 2 Kumpulan 1 : Kumpulan satu akan menyanyikan lagu Congkak.  
Kumpulan 2 : Kumpulan dua akan menepuk tangan pada detik pertama.
- 3 Kemudian, kedua-dua kumpulan akan bertukar peranan.
- 4 Lakukan dengan tempo perlahan dan tempo laju.





## Pencapaian Diri

- I Berdasarkan skor lagu Kampungku, jawab soalan di bawah.

# KAMPUNGKU



Menganalisis  
dan Mengaplikasi

$\text{♩} = 110$

Lagu Tradisional

- a) Apakah meter yang digunakan untuk lagu Kampungku?
- b) Apakah tempo yang digunakan untuk lagu Kampungku?
- c) Berapakah jumlah bilangan not semikuaver yang ada di dalam lagu ini?
- d) Berapakah jumlah bilangan tanda rehat semikuaver untuk lagu ini?
- e) Pada bar manakah yang mempunyai bilangan not semikuaver paling banyak?



2 Dengar audio dan tepuk detik pertama bagi mengiringi lagu di bawah.



Menganalisis  
dan Mengaplikasi

## RASA SAYANG

Lagu Tradisional

♩ = 110

1  
Ra - sa sa - yang heyl

5  
Ra - sa sa - yang sa - yang heyl

9  
Heyl li - hat no - na ja - uh

13  
Ra - sa sa - yang sa - yang heyl



Tepuk detik pertama Lagu Rasa Sayang



Tepuk detik pertama Lagu Rasa Sayang (Instrumental)



Tepuk detik pertama Lagu Rasa Sayang (Minus One)

Tandakan tahap penguasaan anda.

	Sederhana	Hampir	Mahir
	Mahir	Mahir	Mahir
a Mengenal pasti meter $\frac{2}{4}$ .	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b Menepuk mengikut detik pada lagu bermeter $\frac{2}{4}$ .	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c Mengenal pasti not, nilai dan tanda rehat semikuaver.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d Menulis not muzik pada baluk.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



Perbanyakkan muka surat ini untuk diedarkan kepada murid. (Muka surat ini juga terdapat dalam CD).



# UNIT 2

## NYANYIAN JIWA

### STANDARD PEMBELAJARAN

Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:



1.4.1 Mengenal pasti tanda isyarat.



2.1.1 Bernyanyi secara *unison* dengan:

- (i) Tempo yang betul.
- (ii) Sebutan yang jelas.
- (iii) Pic yang betul.
- (iv) Ekspresi yang sesuai.



2.1.2 Mengamalkan etika dan nilai murni sebelum, semasa dan selepas aktiviti nyanyian.



Nyanyian lagu Negaraku pada Hari Kebangsaan.





## ETIKA

Etika ialah amalan-amalan yang baik sebelum, semasa dan selepas aktiviti muzik. Etika atau amalan yang baik perlulah diikuti supaya setiap aktiviti atau latihan yang diikuti mencapai objektifnya.

# ETIKA BERNYANYI

♩ = 120

Lagu dan Lirik: A. Hafzan Hassan

Chords: C, F, G, Dm, Am, G7

Lyrics:  
 Se-be-lum mu-la ber-nya-nyi A-da e-ti-ka per-lu di-pa-tu-hi  
 Ber-la-tih ha-fal sen-di-ri La-gu dan li-rik yang te-lah di-be-ri  
 Da-tang a-wal su-dah pas-ti A-ra-han gu-ru per-lu di-i-ku-ti  
 Pe-ma-na -  
 san su-a-ra per-lu ja-la-ni A-gar lan-car me-nya-nyi nan-ti  
 Sen-tia-a sa-lu-kan a-ra-han gu-ru Tek-nik be-tul di-a-mal kan  
 se-la-lu-kan Ka-wan me-nya-nyi ja-ngan di gang-gu-kan Tum-pu-kan per-ha-ti-an  
 ka-wan ku-kan Se-le-pas ha-bis ber-nya-nyi ke-mas da-hu-lu ba-rang dan  
 no-ta-kan ka-mu U-cap-lah te-ri-ma ka-sih ke-  
 pa-da gu-ru Jum-pa la-gi di la-in wak-tu-kan



Lagu Etika Bernyanyi (Vokal)



Lagu Etika Bernyanyi (Instrumental)




Lagu Etika Bernyanyi (Minus One)

### NOTA GURU

- Bimbing murid untuk mengikut etika sebelum, semasa dan selepas aktiviti nyanyian.
- Bimbing murid melakukan aktiviti pemanasan suara sebelum memulakan nyanyian.



# ETIKA BERNYANYI



Sebelum mula bernyanyi  
Ada etika perlu dipatuhi  
Datang awal sudah pasti  
Arahan guru perlu diikuti

Berlatih hafal sendiri  
Lagu dan lirik yang telah diberi  
Pemanasan suara perlu jalani  
Agar lancar menyanyi nanti

Sentiasa ikut arahan guru  
Teknik betul diamalkan selalu  
Kawan menyanyi jangan diganggu  
Tumpukan perhatian kawanku

Selepas habis bernyanyi kemas dahulu  
Barang dan nota kamu  
Ucaplah terima kasih kepada guru  
Jumpa lagi di lain waktu

# TANDA ISYARAT

Mari kita kenali tanda isyarat yang ada di bawah:

**a** *Staccato*

Titik diletakkan di atas atau di bawah not.

Main secara pendek atau terputus.

**b** *Tie*

Garisan melengkung yang menyambungkan dua not yang sama pic.

**c** *Slur*

Dimainkan atau dinyanyikan secara legato atau tanpa putus antara dua not.

Bagaimanakah tanda isyarat ini dimainkan? Dengar audio bagi setiap tanda isyarat di bawah.

*Staccato*

Audio 2.4

Tanda Isyarat *Staccato*

*Tie*

Audio 2.5

Tanda Isyarat *Tie*

*Slur*

Audio 2.6

Tanda Isyarat *Slur*



## Aktiviti



Pemanasan Suara  
*Staccato*



Pemanasan Suara  
*Staccato*  
(Minus One)

### 1 Pemanasan suara *staccato*.

Ha ha ha ha ha ha ha ha he he he he he he he he

3  
hi hi hi hi hi hi hi hi hu



Menganalisis  
dan Mengaplikasi



EMK  
Kreativiti



Pemanasan Suara  
*Slur*



Pemanasan Suara  
*Slur*  
(Minus One)

### 2 Pemanasan suara *slur*.

3 Ha - a - a - a - a - a - a - a - a

5 He - e - e - e - e - e - e - e - e

7 Hi - i - i - i - i - i - i - i - i

Hu - u - u - u - u - u - u - u - u

#### NOTA GURU

- Bimbing murid mengaplikasikan tanda isyarat *staccato* dan *slur* dalam aktiviti pemanasan suara untuk meningkatkan kefahaman murid berkenaan tanda isyarat.

Dengarkan lagu Permainan Tradisional, kemudian nyanyikan lagu tersebut menggunakan pic, sebutan dan ekspresi yang betul.

## PERMAINAN TRADISIONAL



Menganalisis dan Mengaplikasi

♩ = 110

Lagu dan lirik: Rosman Adam

**A**

F C

Ber - ma in ga-sing de-ngan la-yang la-yang me-ngi-si kan ma-sa la-pang ki-

4 F F F C

ta me-na-rí na-rí la-yang di u-da-ra sung-guh me-ri-ah-nya di ang-ka

8 F C F C

sa ber-pu-tar pu-tar ga-sing di lem-par me-ngu-ji ke-ce-ka-pan ki-

12 F C F B<sup>b</sup> C

ta Sung-guh me-ri-ah per-mai-nan la-ma ja-ngan-lah ki-ta me-lu-pa-kan

**B**

16 F F B<sup>b</sup> B<sup>b</sup>

nya Ma - in cong - kak am - boi am - boi kon - da kon -

20 F F C C

di am - boi am - boi tok ha - ri - mau am - boi am - boi se - ro - nok -

24 F F

1. 2.

nya nya



Lagu Permainan Tradisional (Vokal)



Lagu Permainan Tradisional (Instrumental)




Lagu Permainan Tradisional (Minus One)

### NOTA GURU

- Guru memperdengar lagu Permainan Tradisional kepada murid.
- Bimbing murid menyanyikan lagu dengan menggunakan pic, sebutan dan dinamik yang betul.



## PERMAINAN TRADISIONAL

A decorative border of musical notation, including treble clefs, bass clefs, and various notes, surrounds the text.

Bermain gasing dengan layang-layang  
Mengisikan masa lapang kita  
Menari-nari layang di udara  
Sungguh meriahnya di angkasa

Berputar putar gasing dilempar  
Menguji kecekapan kita  
Sungguh meriah permainan lama  
Janganlah kita melupakannya

Main congkak amboi amboi  
Konda kondi amboi amboi  
Tok harimau amboi amboi  
Seronoknya



## Pencapaian Diri

I Isi tempat kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang betul.

🎵 Tidak bersembang atau membuat aktiviti lain sehingga mengganggu aktiviti nyanyian.

🎵 Sebelum meninggalkan bilik, pastikan tiada barang atau sampah yang tertinggal.

🎵 Memastikan semua *music stand* dan segala alatan yang digunakan disimpan semula.

🎵 Berdiri dalam keadaan postur yang betul.

🎵 Sentiasa mengikut arahan guru atau konduktor muzik.

🎵 Melaksanakan sesi pemanasan suara (*warming up*).

🎵 Mengucapkan terima kasih kepada guru atau ketua kumpulan.

🎵 Bersedia lebih awal.

🎵 Berlatih atau hafal sendiri lirik atau bahagian yang belum mahir.

### Etika Sebelum Bernyanyi

### Etika Semasa Bernyanyi

### Etika Selepas Bernyanyi









• _____ _____ _____ _____	• _____ _____ _____ _____	• _____ _____ _____ _____
• _____ _____ _____ _____	• _____ _____ _____ _____	• _____ _____ _____ _____
• _____ _____ _____ _____	• _____ _____ _____ _____	• _____ _____ _____ _____





2 Namakan tanda isyarat pada kawasan yang berwarna.



Bil	Warna	Nama Tanda Isyarat	Bil	Warna	Nama Tanda Isyarat
1			5		
2			6		
3			7		
4			8		

Tandakan tahap penguasaan anda.

- a Mengenal pasti tanda isyarat.
- b Bernyanyi secara *unison* dengan:
  - (i) Tempo yang betul.
  - (ii) Sebutan yang jelas.
  - (iii) Pic yang betul.
  - (iv) Ekspresi yang sesuai.
- c Mengamalkan etika dan nilai murni sebelum, semasa dan selepas aktiviti nyanyian.

Sederhana Mahir	Hampir Mahir	Mahir
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



Perbanyakkan muka surat ini untuk diedarkan kepada murid. (Muka surat ini juga terdapat dalam CD).

# UNIT 3

## UKIRAN IRAMA

### STANDARD PEMBELAJARAN

Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:



1.2.1 Mengajuk corak irama yang diperdengarkan.



1.2.2 Menghasilkan dan memainkan corak irama.



1.3.1 Mengenal pasti dan membezakan dinamik mezzopiano (*mp*) dan mezzoforte (*mf*).



1.3.2 Mengaplikasikan dinamik mezzopiano (*mp*) dan mezzoforte (*mf*) dalam aktiviti muzik.



Gendang boleh didapati dalam pelbagai saiz dan kegunaan. Ada gendang yang digunakan untuk mengiringi seni silat, ada juga yang digunakan bagi mengiringi tarian dan ada juga untuk perayaan atau upacara diraja.





# CORAK IRAMA

Dengar dan ajuk semula corak irama di bawah.



Dengar dan ajuk semula corak irama 1

a

Dengar                      Ajuk                      Dengar                      Ajuk



Dengar dan ajuk semula corak irama 2

b

Dengar                      Ajuk                      Dengar                      Ajuk



Dengar dan ajuk semula corak irama 3

c

Dengar                      Ajuk                      Dengar                      Ajuk



Dengar dan ajuk semula corak irama 4

d

Dengar                      Ajuk                      Dengar                      Ajuk

### NOTA GURU

- Perengarkan setiap audio kepada murid.
- Murid mengajuk kembali audio yang diperdengarkan.
- Guru bebas menggunakan pelbagai jenis alat perkusi.




## MENGHASILKAN CORAK IRAMA

Ikut langkah-langkah di bawah untuk menghasilkan sebuah corak irama sepanjang 4 bar.


- 1 Pilih satu meter sahaja dan tulis pada ruangan berwarna putih di bawah.



- 2 Pilih beberapa not yang sesuai berdasarkan meter yang telah anda pilih dan tuliskan pada ruangan bar satu.



- 3 Pilih beberapa not yang sesuai berdasarkan meter yang telah anda pilih dan tuliskan pada ruangan bar dua.



- 4 Pilih beberapa not yang sesuai berdasarkan meter yang telah anda pilih dan tuliskan pada ruangan bar tiga.



- 5 Pilih beberapa not yang sesuai berdasarkan meter yang telah anda pilih dan tuliskan pada ruangan bar empat.



Meter	Bar 1	Bar 2	Bar 3	Bar 4

### NOTA GURU

- Guru perlu merancang sesi pengajaran dan pembelajaran mengikut kesesuaian dan kebolehan murid.





## Bermain Corak Irama

- 1 Kumpulkan semua corak irama yang telah dihasilkan pada muka surat 25.
- 2 Masukkan semua corak yang telah ditulis ke dalam sebuah balang.
- 3 Guru memilih corak irama secara rawak dan mempamerkan di hadapan papan putih.
- 4 Murid memainkan alat perkusi atau menepuk tangan mengikut corak irama yang dipapar di papan putih dengan bimbingan guru.


## Bermain Corak Irama



### NOTA GURU

- Bimbing murid menepuk tangan mengikut corak irama yang telah dipilih.


# DINAMIK



Dinamik digunakan untuk menyatakan perubahan bunyi sama ada kuat atau lembut. Berikut ialah antara contoh dinamik yang digunakan dalam sesebuah lagu.

Nama Dinamik	Penerangan	Simbol	Audio
<i>Mezzopiano</i>	Sederhana lembut	<i>mp</i>	
<i>Mezzoforte</i>	Sederhana kuat	<i>mf</i>	

Rajah di bawah menunjukkan kedudukan bagi dinamik.



Dengarkan audio bagi perbezaan dinamik-dinamik berikut.



Perbezaan Dinamik

## NOTA GURU

- Bimbing murid untuk membezakan dinamik *mezzopiano* dan *mezzoforte*.



## Bermain Alat Muzik Perkusi Mengikut Dinamik

**Alatan** : Alat-alat muzik perkusi (conga, kompong, cajon, kayu tik tok dan lain-lain lagi).

### Langkah-langkah:

1. Setiap murid diberikan satu alat muzik perkusi.
2. Bahagikan murid kepada dua kumpulan.
3. Kumpulan 1 akan memainkan corak irama 1 dan kumpulan 2 akan memainkan corak irama 2.
4. Mainkan alat muzik yang diberi mengikut corak irama dan dinamik pada skor dengan betul.



#### NOTA GURU

- Guru bebas memilih alat muzik perkusi mengikut kemampuan murid.





Corak Irama 1



Corak Irama 2



Gabungan Corak Irama 1 dan 2

## Aktiviti Dinamik

Corak Irama 1 *mp*

Corak Irama 2 *mp*

5

9 *mf*

*mf*

13





## Pencapaian Diri

1 Tepuk semula corak irama di bawah.

	Dengar	Tepuk	Dengar	Tepuk
a	$\frac{4}{4}$			
	Dengar	Tepuk	Dengar	Tepuk
b	$\frac{4}{4}$			
	Dengar	Tepuk	Dengar	Tepuk
c	$\frac{3}{4}$			
	Dengar	Tepuk	Dengar	Tepuk
d	$\frac{2}{4}$			

2 Hasilkan corak irama mudah mengikut meter yang telah diberi.

	Contoh:			
a	$\frac{4}{4}$			
	Contoh:			
b	$\frac{3}{4}$			
	Contoh:			
c	$\frac{2}{4}$			

### NOTA GURU

- Bimbing murid untuk menepuk semula corak irama.
- Bimbing murid untuk menghasilkan corak irama mengikut meter yang diberi.



- 3 Guru menyediakan kad dinamik *mf* dan *mp*. Minta seorang murid untuk menunjukkan salah satu hasil corak irama yang telah dihasilkan pada muka surat 30. Semua murid akan memainkan alat muzik perkusi mengikut corak irama yang dipilih berpandukan dinamik yang ditunjukkan oleh guru.



Tandakan tahap penguasaan anda.

	Sederhana Mahir	Hampir Mahir	Mahir
a Mengajuk corak irama yang diperdengarkan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b Menghasilkan dan memainkan corak irama.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c Mengenal pasti dan membezakan dinamik <i>mezzopiano</i> ( <i>mp</i> ) dan <i>mezzoforte</i> ( <i>mf</i> ).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d Mengaplikasikan dinamik <i>mezzopiano</i> ( <i>mp</i> ) dan <i>mezzoforte</i> ( <i>mf</i> ) dalam aktiviti muzik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



Perbanyakkan muka surat ini untuk diedarkan kepada murid. (Muka surat ini juga terdapat dalam CD).

**STANDARD PEMBELAJARAN**

Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:



1.4.2

Memainkan alat muzik dengan mengaplikasikan tanda isyarat dalam aktiviti muzik.



3.1.1

Berbincang tentang Muzik Rakyat Malaysia daripada aspek:

- Asal usul muzik
- Alat muzik



3.1.2

Menghasilkan folio tentang Muzik Rakyat Malaysia.





Alatan muzik angklung diperbuat daripada buluh. Angklung terdiri daripada dua hingga tiga tabung yang diikat pada rangka. Cara memainkan angklung adalah dengan digetarkan supaya bahagian tabung berlaga untuk menghasilkan bunyi.



## ANGKLUNG


Angklung merupakan sejenis alat muzik tradisional Indonesia yang berkembang dalam masyarakat Sunda, Jawa Barat.

Alatan muzik ini diperbuat daripada buluh berbentuk tabung pic dan dibunyikan dengan cara menggoncangkan tabung buluh. Antara jenis buluh yang digunakan ialah buluh hitam atau buluh ater. Buluh ini akan bertukar menjadi warna keputihan apabila menjadi kering.

Menurut sejarah, angklung berasal daripada masyarakat Sunda Asli Baduy. Mereka menjadikan angklung sebagai alat ritual dalam mengawal penanaman padi untuk tujuan memuja Dewi Sri (dewi pertanian, dewi padi dan dewi sawah) bagi memberikan kesuburan pada tanaman padi.

### Asal-usul Angklung

Muzik angklung bermula dari masyarakat Sunda Jawa Barat, Indonesia. Alatan muzik ini dipercayai dibawa masuk ke Malaysia pada awal abad ke-20.



Resonator ialah bahagian yang menghasilkan bunyi gema.


#### NOTA GURU

- Guru boleh membawa peralatan angklung yang sebenar ke dalam kelas bagi meningkatkan lagi kefahaman murid.

## Jenis-jenis Angklung

Terdapat dua jenis angklung iaitu angklung yang memainkan not (pic) yang juga dikenali sebagai angklung melodi dan angklung yang memainkan kord.

Angklung yang memainkan not juga boleh dijadikan kord dengan memainkan dua atau tiga yang mempunyai not berbeza secara serentak mengikut triad.



**Angklung Melodi**



**Angklung Kord**



Tiga angklung not yang disusun mengikut triad dan dimainkan secara serentak akan menghasilkan kord.

## Cara Memegang Angklung

Pemain akan mewakili satu angklung yang mewakili satu not, tetapi pemain angklung boleh memainkan dua angklung yang berlainan not berdasarkan tahap kemahiran.

Angklung dipegang di bahagian atas sama ada dengan menggunakan tangan kanan atau kiri manakala tangan dominan digunakan untuk menggoncangkan bahagian bawah angklung bagi menghasilkan bunyi.

Angklung yang lebih besar berada dekat dengan badan jika kita bermain lebih dari satu angklung.



### NOTA GURU

- Bimbing murid memegang angklung dengan betul sebelum mula bermain.





## Teknik Bermain Angklung

Terdapat tiga teknik membunyikan angklung. Ketiga-tiga teknik tersebut ialah teknik getar, teknik centok (*staccato*) dan teknik tengkep.

### Teknik Getar

Teknik getar ialah teknik asas dan utama dalam permainan angklung. Bunyi dapat dihasilkan dengan menggetar atau menggoncang keseluruhan tabung suara ke kiri dan ke kanan dengan laju sehingga menghasilkan bunyi yang tidak putus.




### Penguahan Minda

Lakukan teknik getar mengikut skor muzik di bawah.



Teknik  
Getar



Layari laman sesawang  
[http://arasmega.com/  
qr-link/teknik-getar/untuk  
menonton video teknik  
getar.](http://arasmega.com/qr-link/teknik-getar/untuk-menonton-video-teknik-getar) (Dicapai pada 20  
Januari 2019)

### NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan teknik getar berpandukan skor.

S.P

1.4.2

## Teknik Centok

Teknik centok ini digunakan untuk menghasilkan bunyi yang pendek (*staccato*). Untuk melakukan teknik ini, bahagian atas angklung dipegang sementara tangan kanan akan menepuk bahagian tepi tabung dasar.



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/teknik-centok/untuk-menonton-video-teknik-centok>. (Dicapai pada 20 Januari 2019)




### Penguhan Minda

Lakukan teknik centok mengikut skor muzik di bawah.



Teknik Centok



## Teknik Tengkep

Teknik ini hanya untuk membunyikan tabung-tabung tertentu sahaja. Tabung-tabung yang tidak perlu akan dimatikan bunyinya (*mute*) dengan cara menahan tabung-tabung yang tidak diperlukan dengan jari. Teknik ini dapat menghasilkan bunyi yang lembut.



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/teknik-tengkep/untuk-menonton-video-teknik-tengkep>. (Dicapai pada 20 Januari 2019).




### Penguhan Minda

Lakukan teknik tengkep mengikut skor muzik di bawah.



Teknik Tengkep



## Penghasilan Folio

Anda dikehendaki menghasilkan sebuah folio berkaitan dengan angklung.

1

Cari dan kumpul maklumat mengenai sejarah perkembangan angklung.



2

Cetak maklumat yang telah diperolehi dan gunting bahan tersebut.



3

Tampal gambar tersebut pada folio anda.



4

Hias folio tersebut mengikut kreativiti anda supaya kelihatan menarik. Kemudian, pameran folio anda dan ceritakan di hadapan kelas.



### NOTA GURU

- Bahan-bahan berkenaan ensembel angklung boleh diperolehi dengan mudah dari internet.
- Folio boleh dibuat secara berkumpulan.





2 Isikan tempat kosong dengan nama bahagian angklung dengan betul.



3 Audio di bawah adalah berkenaan dengan teknik-teknik yang digunakan di dalam permainan angklung. Dengar audio dengan teliti dan berikan jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang diberi.



• Teknik Centok



• Teknik Tengkep



• Teknik Getar

Tandakan tahap penguasaan anda.

a Memahami asal usul dan alat muzik:

- Asal usul
- Alat muzik

Sederhana Mahir    Hampir Mahir    Mahir

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



# UNIT 5

## SENI DAN BUDAYA

### STANDARD PEMBELAJARAN

Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:



2.2.1

Memainkan alat muzik secara ensembel dengan teknik, pic dan tempo yang betul.



2.2.2

Mengamalkan etika dan nilai murni sebelum, semasa dan selepas bermain alat muzik.







Persembahan angklung yang dimainkan oleh kanak-kanak di *Malaysia Tourism Centre*.

## Ensemble Angklung

Terdapat tiga jenis sistem notasi dalam skor lagu angklung iaitu sistem notasi muzik, sistem abjad dan sistem nombor.

### Sistem Notasi



### Sistem Abjad


C D E F G A B Ċ

### Sistem Nombor

1 2 3 4 5 6 7 1̇

## Kord

Kord biasanya terdiri daripada tiga atau lebih not yang dimainkan secara serentak.



Gabungan not C, E dan G akan menghasilkan kord **C Major**.

Gabungan not G, B dan D akan menghasilkan kord **G Major**.

Gabungan not F, A dan C akan menghasilkan kord **F Major**.





Latihan I



Latihan asas angklung 1



Latihan asas angklung 1 (Minus One)

Latihan 2



Latihan asas angklung 2



Latihan asas angklung 2 (Minus One)

Latihan 3



Latihan asas angklung 3



Latihan asas angklung 3 (Minus One)



Angklung perlu dibunyikan sekurang-kurangnya empat semikuaver pada satu detik.

Empat Semikuaver = Satu Krocet

NOTA GURU

- Setiap murid diberi sebuah angklung dengan not yang berbeza.
- Bimbing murid melakukan teknik getar mengikut skor.



# ETIKA

Etika dan nilai murni yang baik penting untuk diikuti supaya latihan bermain alat muzik dapat berjalan dengan lancar.

## Etika Sebelum Latihan Bermain Alat Muzik

Meminta izin daripada guru sebelum masuk ke dalam bilik muzik.

Mengucapkan salam kepada guru.

Bersedia dengan nota atau skor lagu.

Membawa bersama alat tulis untuk membuat catatan.

Mengambil alatan muzik yang diperlukan sahaja.



Menganalisis  
dan Mengaplikasi

### NOTA GURU

- Terangkan kepada murid etika-etika yang perlu diikuti sebelum, semasa dan selepas bermain alatan muzik.
- Beri ingatan kepada murid setiap kali sebelum, semasa dan selepas bermain tentang etika dan nilai murni.

## Etika Semasa Latihan Bermain Alat Muzik

Mendengar arahan guru ataupun ketua terutamanya ketika hendak memulakan dan menamatkan permainan.

Bimbit alatan muzik di sisi ketika guru atau konduktor sedang memberi taklimat.

Sentiasa memberi perhatian ketika guru sedang mengajar.

Mata dan tumpuan sentiasa ke arah guru atau konduktor.

## Etika Selepas Latihan Bermain Alat Muzik

Pastikan tiada sampah atau nota yang tertinggal di tempat duduk anda.

Bawa alatan muzik apabila keluar dari tempat duduk.

Simpan atau gantung alatan muzik kembali ke tempat asal.

Mengucapkan terima kasih kepada guru sebelum meninggalkan kelas.





## Bermain Angklung

### Alatan

- Angklung not
- Angklung kord (jika ada)
- CD audio dan pemain cakera padat
- Skor lagu

### Langkah-langkah:

1. Lagu Burung Kakak Tua diperdengarkan kepada murid.
2. Sambil mendengar lagu, murid diminta untuk melihat skor lagu.
3. Murid diminta untuk menyanyikan melodi lagu Burung Kakak Tua berpandukan skor lagu sambil dipimpin oleh guru.
4. Murid diberikan angklung mengikut not.
5. Murid bermain angklung mengikut tempo daripada guru dan berpandukan skor.





Mainkan alat muzik angklung mengikut tempo yang diberi bagi mengiringi lagu Burung Kakak Tua.

# BURUNG KAKAK TUA

♩ = 90

Lagu Tradisional

The musical score consists of eight staves of music in 3/4 time. The tempo is marked as ♩ = 90. The key signature is one flat (F major/D minor). The score includes the following chords and fingerings:

- Staff 1: Chords C and G7. Fingerings: 5, 5, 3, i, 3, 2, 3.
- Staff 2: Chords F and G7. Fingerings: 4, 6, 5, 4, 3, 5.
- Staff 3: Chords G7. Fingerings: 5, 3, i, 3, 2, 7, 6.
- Staff 4: Chords C. Fingerings: 5, 4, 3, 2, i, 5.
- Staff 5: Chords F. Fingerings: 3, 5, 3, 5, 6, 6, 6, 6, 4.
- Staff 6: Chords G7 and C. Fingerings: 2, 4, 2, 4, 5, 5, 5, 5, 5.
- Staff 7: Chords F. Fingerings: 3, 5, 3, 5, 6, 6, 6, 2, i.
- Staff 8: Chords G7 and C. Fingerings: 7, 5, 6, 7, i.

Audio 5.7

Lagu Burung Kakak Tua dengan iringan angklung

Audio 5.8

Lagu Burung Kakak Tua (Instrumental)

Audio 5.9

Lagu Burung Kakak Tua (Minus One)

## NOTA GURU

- Bimbing murid memainkan angklung berpandukan skor lagu Burung Kakak Tua.
- Angklung kord boleh ditambah jika murid sudah mahir bermain melodi.

S.P

2.2.1

I Berdasarkan skor muzik di bawah:

a Tuliskan pic pada ruangan kosong yang disediakan di bawah.

## DAYUNG SAMPAN



Lagu Dayung Sampan dengan iringan angklung



Lagu Dayung Sampan dengan iringan angklung (Minus One)

$\text{♩} = 100$

Chinese Folk Song

b Kira dan isikan kekerapan setiap not yang akan dibunyikan pada skor lagu Dayung Sampan pada jadual di bawah.

Not	A	B	D	E	F#	B'	D'	E'
Kekerapan	Contoh: 9 kali							



- 2 Senaraikan etika dan nilai murni sebelum, semasa, dan selepas bermain alat muzik.

Sebelum

- 
- 
- 

Semasa

- 
- 
- 

Selepas

- 
- 
- 

Tandakan tahap penguasaan anda.

Sederhana  
Mahir

Hampir  
Mahir

Mahir

a Memainkan alat muzik secara ensembel dengan teknik, pic dan tempo yang betul.

b Mengamalkan etika dan nilai murni sebelum, semasa dan selepas bermain alat muzik.





# UNIT 6

## GAMELAN

### STANDARD PEMBELAJARAN

Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:



**3.1.1** Berbincang tentang Muzik Rakyat Malaysia daripada aspek:

- Asal usul muzik
- Alat muzik



Alatan muzik gamelan yang digunakan adalah seperti bonang, gambang, saron baron, saron demong, saron pekin, kenong, gendang dan gong.



## GAMELAN

1

Gamelan berasal daripada perkataan Jawa (gamel) yang bermaksud palu atau pukul. Di Malaysia, "gamelan" merujuk kepada satu jenis ensembel yang terdiri daripada alat-alat yang dipalu dan dikenali sebagai gamelan.

2

Gamelan dimainkan dalam dua bentuk. Pertama sebagai muzik instrumental dan kedua untuk mengiringi joget gamelan.

3

Muzik gamelan yang dahulunya dibawa dari Istana Riau-Lingga ke Istana Pahang kemudian ke Istana Terengganu telah mengalami perkembangan dan perubahan. Perubahan itu termasuklah pergerakan tarian, pakaian, sistem tiunan alat muzik dan juga penggunaan melodi yang tidak berasal daripada tradisi Jawa. Akibat perubahan yang jelas ini, tradisi muzik ini ditukar kepada nama baru iaitu "gamelan melayu" dan "joget gamelan".

### NOTA GURU

- Bimbing murid untuk memahami berkenaan dengan asal-usul gamelan.
- Layari laman sesawang [www.youtube.com](http://www.youtube.com) untuk melihat video-video persembahan gamelan.



4

Gamelan Melayu terdiri daripada lapan buah alat muzik pada asasnya. Kumpulan idiofon terdiri daripada alat saron baron, saron demong, saron pekin, bonang atau keromong, kenong, gambang kayu, gong suwukan dan gong agung. Alat membranofon dalam gamelan pula ialah gendang yang mempunyai dua muka.

5

Setiap alat mempunyai fungsi yang tertentu. Misalnya saron akan memainkan melodi utama sementara alat lain seperti keromong dan gambang akan memperkayakan melodi utama itu. Kenong, gong suwukan dan gong agung pula berfungsi sebagai penanda masa dalam sistem muzik dan gendang akan memainkan rentak yang tertentu.

6

Gamelan pada masa kini banyak dipelajari di institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah di Malaysia. Muzik gamelan sering dimainkan di majlis diraja, majlis konvokesyen, acara rasmi dan juga majlis keramaian.



#### Klasifikasi *Sach-Hornbostel*

Alat muzik terdiri daripada empat kategori iaitu:

- Membranofon : Alat muzik berkulit yang dipalu atau diketuk.  
Contoh: Gendang, kompang.
- Idiofon : Alat muzik yang diketuk dan digoncang tetapi tidak mempunyai kulit.  
Contoh: Angklung, gong, kenong.
- Kordofon : Alat muzik bertali.  
Contoh : Violin.
- Erofon : Alat muzik bertiup.  
Contoh : Seruling.

#### NOTA GURU

- Rujukan: Harun Mat Piah & Siti Zainon Ismail. 1986. *Lambang Sari: Tari Gamelan Terengganu*. Bangi. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia

## Sejarah Perkembangan Gamelan Melayu

Pada tahun 1811, keluarga diraja Riau-Lingga dan keluarga bendahara dari negeri Pahang merayakan majlis perkahwinan di Istana Riau-Lingga. Baginda tertarik dengan keindahan seni bunyi gamelan dan tarian yang dipersembahkan pada majlis itu.

1  
Baginda telah membawa balik satu set gamelan ke negeri Pahang dan dijadikan sebagai hiburan diraja.

2  
3  
Pada pertengahan abad ke-19 muzik gamelan dan tariannya telah diperkembangkan di Istana Pahang dan tradisi muzik dan tarian ini dikenali dengan nama "gamelan Pahang" atau "joget Pahang".

4  
Pada tahun awal abad ke-20, gamelan Pahang dan kumpulan penarinya dipindahkan ke Istana Terengganu untuk merayakan satu majlis perkahwinan iaitu perkahwinan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (Sultan Terengganu ke-13) dengan Tengku Mariam, anak perempuan Raja Pahang.

### NOTA GURU

- Rujukan: Hj. Ahmad Omar Haji Ibrahim. 2005. *Joget Gamelan Terengganu & Pahang Penerus Tradisi Seni Persembahan Istana Kesultanan Melayu Melaka*.

Tengku Ampuan Mariam mempunyai pengalaman sebagai penari dalam tradisi joget gamelan itu dan dari tahun 1913 hingga 1942, permainan gamelan telah berkembang di bawah pimpinan beliau dan baginda sultan.

Di Istana Terengganu, pergerakan tarian, pakaian, penggunaan melodi telah mengalami perubahan. Akibat perubahan yang jelas ini, tradisi muzik ini ditukar kepada nama baru, iaitu "gamelan melayu" dan "joget gamelan".

Pada tahun 1973, Sultan Abu Bakar (Sultan Pahang ke-IV) telah mengambil kembali set gamelan Pahang yang berada di Istana Terengganu untuk disimpan di Istana Pahang.

5

6

7

8

Setelah itu, set gamelan tersebut dihadiahkan kepada Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang dan kekal sehingga ke hari ini.



## Keromong atau Bonang

Bonang terdiri daripada 10 buah bonang yang disusun dua baris dan diperbuat daripada campuran tembaga. Keromong atau bonang merupakan alat utama dalam ensembel gamelan.

Cara bermainnya adalah dengan mengetuk menggunakan dua pengetuk. (pemukul yang diperbuat daripada kayu yang dibaluti dengan tali atau kain).



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/teknik-bermain-bonang/> untuk menonton video teknik bermain bonang. (Dicapai pada 18 Januari 2019)

Kedudukan nombor notasi pada bonang.



### NOTA GURU

- Guru boleh membawa murid-murid ke bilik gamelan yang sebenar bagi memberi lebih kefahaman kepada murid.




## Gambang


Gambang terdiri daripada susunan bilah kayu. Gambang biasanya memainkan melodi dan melodi tambahan. Cara bermain adalah mengetuk dengan menggunakan dua pengetuk (penabuh) yang diperbuat daripada tanduk atau rotan serta kayu.



Kedudukan nombor notasi pada gambang.



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/teknik-bermain-gambang/> untuk menonton video teknik bermain gambang. (Dicapai pada 18 Januari 2019)



## Saron

Terdapat tiga jenis saron yang digunakan:

- (a) Saron Demong
- (b) Saron Baron
- (c) Saron Pekin

Saron terdiri daripada enam atau tujuh bilah yang diperbuat daripada campuran tembaga. Alatan ini berfungsi untuk memainkan melodi. Saron Demong dan Saron Baron diketuk dengan satu pemukul (penabuh) yang diperbuat daripada kayu. Manakala pemukul untuk Saron Pekin pula diperbuat daripada tanduk dan kayu.

Saron Demong



Saron Baron



Saron Pekin



Cara memegang pemukul bagi saron pekin.

Saron Pekin



Cara memegang pemukul bagi saron demong dan saron baron.

Saron Demong



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/teknik-bermain-saron-baron/> untuk menonton video teknik bermain saron baron. (Dicapai pada 18 Januari 2019)



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/teknik-bermain-saron-demong/> untuk menonton video teknik bermain saron demong. (Dicapai pada 18 Januari 2019)



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/teknik-bermain-saron-pekin/> untuk menonton video teknik bermain saron pekin. (Dicapai pada 18 Januari 2019)

Kedudukan nombor notasi pada saron.





## Kenong

Kenong terdiri daripada tiga hingga lima bonang. Alatan ini dimainkan di akhir setiap bar dalam sesebuah lagu. Kenong diperbuat daripada campuran tembaga dan pengetuknya diperbuat daripada kayu yang dibaluti kain atau getah.




Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/teknik-bermain-kenong/> untuk menonton video teknik bermain kenong. (Dicapai pada 18 Januari 2019)



## Gong

Jenis gong terdiri daripada dua gong iaitu gong besar (agong) dan gong kecil (suwukan). Biasanya dimainkan di akhir frasa lagu. Diperbuat daripada campuran tembaga dan pemukulnya diperbuat daripada kayu yang dibaluti kain.




Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/teknik-bermain-gong/> untuk menonton video teknik bermain gong. (Dicapai pada 18 Januari 2019)



## Gendang

Gendang terdiri daripada bingkai yang diperbuat daripada kayu. Kulit diregangkan pada bahagian muka kiri dan kanan. Gendang dipalu menggunakan tangan dan berfungsi untuk memainkan rentak dalam sesebuah lagu. Bahagian muka gendang yang besar akan menghasilkan bunyi "dum". Manakala bahagian muka gendang yang kecil akan menghasilkan bunyi "tak".



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/teknik-bermain-gendang/> untuk menonton video teknik bermain gendang. (Dicapai pada 18 Januari 2019)

t (tak) dan d (dum) adalah simbol yang digunakan dalam sistem notasi gamelan



## Pencapaian Diri

1 Senaraikan nama alat muzik di dalam gamelan melayu.

a		e	
b		f	
c		g	
d		h	

2 Padankan gambar pemukul di bawah dengan alat muzik gamelan yang betul.



Tandakan tahap penguasaan anda.

a

Mengetahui tentang alatan gamelan daripada aspek:

- Asal usul gamelan
- Alat muzik gamelan

Sederhana  
Mahir

Hampir  
Mahir

Mahir

b

Menghasilkan folio tentang gamelan melayu.



Perbanyakkan muka surat ini untuk diedarkan kepada murid. (Muka surat ini juga terdapat dalam CD).

S.P

3.1.2



# UNIT 7

## TARI TRADISI

### STANDARD PEMBELAJARAN

Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:



2.2.1

Memainkan alat muzik secara ensembel dengan teknik, pic dan tempo yang betul.



2.2.2

Mengamalkan etika dan nilai murni sebelum, semasa dan selepas bermain alat muzik.



4.1.1

Mengajuk corak irama.



4.1.2

Mengimprovisasi corak irama.



4.1.3

Mencipta corak irama.



4.1.4

Mempersembahkan hasil ciptaan.



Muzik gamelan biasanya dimainkan untuk mengiringi majlis-majlis keraian di istana pada zaman dahulu. Kini, muzik gamelan kebanyakannya dimainkan pada majlis formal dan juga tidak formal seperti majlis perkahwinan dan juga majlis konvokesyen.

## BERMAIN GAMELAN

Gamelan menggunakan sistem bernombor. Teliti dan fahami skor lagu Timang Burung di bawah.







### TIMANG BURUNG

	. 5 5 2	3 2 3 5 <sup>v</sup>	. 3 5 6	5 3 2 5 <sup>v</sup>
	.t . .t .d	d .t .d d	.t . .t .d	d .t .d d
	. 5 5 2	3 2 3 5 <sup>v</sup>	. 3 5 6	5 3 2 3 <sup>v</sup>
	.t . .t .d	d .t .d d	.t . .t .d	d .t .d d
	. 3 2 1	1 2 3 1 <sup>v</sup>	3 2 1 1	5 6 1 2 <sup>v</sup>
	.t . .t .d	d .t .d d	.t . .t .d	d .t .d d
	. 2 2 3	6 5 3 2 <sup>v</sup>	3 2 1 1	5 5 3 5 <sup>v</sup>
<b>BUKA</b>	.t .t .t .d	dd .t .d d	.t .t .t .d	dd .t .d d



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-full/> untuk menonton video Lagu Timang Burung. (Dicapai pada 10 Mei 2019)








### Simbol Gamelan (Sistem Bernombor)

	Garis Bar		Gong Kecil dimainkan
	Rehat		Gong Besar dimainkan
	Kenong dimainkan	t	Tak (bunyi gendang) permukaan kecil
	Pengulangan	d	Dum (bunyi gendang) permukaan besar

#### NOTA GURU

- Bimbing murid memahami cara membaca skor lagu Timang Burung.
- Rujuk jadual di muka sebelah untuk petunjuk bagaimana gamelan harus dimainkan.



Alat Muzik	Petunjuk	Cara Dimainkan
Bonang	Memainkan melodi	Dimainkan secara bertingkah.  Layari laman sesawang <a href="http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-bonang/">http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-bonang/</a> untuk menonton video Lagu Timang Burung (bonang). (Dicapai pada 10 Mei 2019)
Saron Demong Saron Baron	Memainkan melodi	Dimainkan satu persatu mengikut aturan nombor.  Layari laman sesawang <a href="http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-saron-baron/">http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-saron-baron/</a> untuk menonton video Lagu Timang Burung (saron baron). (Dicapai pada 10 Mei 2019)
Saron Pekin	Memainkan melodi	Dimainkan secara berganda.  Layari laman sesawang <a href="http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-saron-pekin/">http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-saron-pekin/</a> untuk menonton video Lagu Timang Burung (saron pekin). (Dicapai pada 10 Mei 2019)
Gambang	Memainkan melodi	Dimainkan secara berganda.  Layari laman sesawang <a href="http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-gambang/">http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-gambang/</a> untuk menonton video Lagu Timang Burung (gambang). (Dicapai pada 10 Mei 2019)
Kenong	Mainkan not di akhir setiap bar yang bersimbol √	Dimainkan pada nombor yang bertanda U.  Layari laman sesawang <a href="http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-kenong/">http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-kenong/</a> untuk menonton video Lagu Timang Burung (kenong). (Dicapai pada 10 Mei 2019)
Gong	Mainkan pada not akhir di bar ke-14 (gong kecil ∩) dan bar 18 (gong besar yang bertanda ○).	Dimainkan pada nombor yang bertanda n untuk gong kecil dan O untuk gong besar.  Layari laman sesawang <a href="http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-gong/">http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-gong/</a> untuk menonton video Lagu Timang Burung (gong). (Dicapai pada 10 Mei 2019)
Gendang	Memainkan rentak pada lagu.	Palu muka gendang yang bersaiz kecil apabila berjumpa simbol "t" dalam skor dan palu muka gendang besar apabila berjumpa simbol "d".  Layari laman sesawang <a href="http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-gendang/">http://arasmega.com/qr-link/lagu-timang-burung-gendang/</a> untuk menonton video Lagu Timang Burung (gendang). (Dicapai pada 10 Mei 2019)



Menganalisis dan Mengaplikasi

Mainkan lagu Timang Burung di bawah.

## TIMANG BURUNG

1

. 5 5 2	3 2 3 5 <sup>v</sup>	. 3 5 6	5 3 2 5 <sup>v</sup>
.t .t .d	d .t .d d	.t .t .d	d .t .d d



Melodi Lagu Timang Burung baris 1



Lagu Timang Burung dengan iringan gamelan baris 1

Setelah menghafal melodi pada baris pertama, murid boleh terus bermain gamelan mengikut skor.

2

. 5 5 2	3 2 3 5 <sup>v</sup>	. 3 5 6	5 3 2 3 <sup>v</sup>
.t .t .d	d .t .d d	.t .t .d	d .t .d d



Melodi lagu Timang Burung baris 2



Lagu Timang Burung dengan iringan gamelan baris 2

3

. 3 2 1	1 2 3 1 <sup>v</sup>	3 2 1 1	5 6 1 2 <sup>v</sup>
.t .t .d	d .t .d d	.t .t .d	d .t .d d



Melodi lagu Timang Burung baris 3



Lagu Timang Burung dengan iringan gamelan baris 3

4

. 2 2 3	6 5 3 2 <sup>v</sup>	3 2 1 1	5 5 3 5 <sup>v</sup>
.t .t .t .d	dd .t .d d	.t .t .t .d	dd .t .d d



Melodi lagu Timang Burung baris 4



Lagu Timang Burung dengan iringan gamelan baris 4

### NOTA GURU

- Murid diminta untuk menyanyikan dan menghafal melodi lagu Timang Burung dengan menyebut nombor dengan betul.
- Untuk alatan muzik gendang, murid boleh terus bermain mengikut skor tanpa perlu menghafal melodi.



## Aktiviti



Mengaplikasi

Mainkan lagu Lenggang Kangkung di bawah secara ensembel.

# LENGGANG KANGKUNG

. 5 3 $\overline{.5}$ .t . .t .d	3 5 $\overset{v}{5}$ . d .t .d d	. 5 6 $\overline{56}$ .t . .t .d	i $\overline{.6}$ $\overset{v}{5}$ . d .t .d d
. 5 3 $\overline{.5}$ .t . .t .d	3 5 $\overset{v}{5}$ . d .t .d d	. 5 6 $\overline{56}$ .t . .t .d	i $\overline{.6}$ $\overset{v}{5}$ . d .t .d d
. 3 1 $\overline{12}$ .t . .t .d	3 6 5 $\overset{v}{.6}$ d .t .d d	5 3 2 $\overline{12}$ .t . .t .d	3 $\overline{.1}$ $\overset{v}{2}$ . d .t .d d
. 3 1 $\overline{12}$ .t .t .t .d	3 6 5 $\overset{v}{.6}$ dd .t .d d	5 3 2 $\overline{12}$ .t .t .t .d	3 $\overline{.1}$ $\overset{v}{(2)}$ . dd .t .d d



Melodi lagu Lenggang Kangkung



Melodi lagu Lenggang Kangkung baris 1 dan baris 2



Melodi lagu Lenggang Kangkung baris 3 dan baris 4



### NOTA GURU

- Bimbing murid untuk menghafal nombor melodi secara bernyanyi sebelum mula bermain.



## Etika Sebelum, Semasa dan Selepas Bermain Gamelan.

Bersedia awal beberapa minit sebelum masa yang ditetapkan. ●

Bersedia dengan nota atau skor muzik. ●

Masuk ke bilik gamelan setelah mendapat kebenaran daripada guru. ●

Masuk dengan tertib ke posisi masing-masing. ●

Mengambil pemukul yang berkaitan dengan alat muzik yang akan dimainkan sahaja. ●

Berlatih sendiri bahagian-bahagian yang anda belum mahir tanpa mengganggu rakan-rakan yang lain. ●

Etika Sebelum



### NOTA GURU

- Terangkan kepada murid etika sebelum, semasa dan selepas bermain gamelan kepada murid setiap kali sebelum memulakan latihan.



## Etika Semasa


- Sentiasa mengikut arahan guru atau ketua terutamanya ketika memulakan dan menamatkan permainan.
- Dapatkan kebenaran daripada guru jika hendak mengalihkan alat muzik gamelan.
- Bertanggungjawab terhadap alatan yang digunakan.
- Alat muzik gamelan perlu dimainkan dengan teknik yang betul.
- Elakkan meletak barang-barang lain di atas alat muzik gamelan.
- Elakkan mengetuk gamelan dengan kuat.



## Etika Selepas

- Keluar dari kawasan alatan gamelan dengan tertib.
- Pastikan tiada nota atau skor muzik yang tertinggal di atas lantai atau *music stand*.
- Alatan pemukul perlulah disimpan semula ke dalam kotak atau tempat asal.
- Mengucapkan terima kasih kepada guru sebelum keluar dari bilik.

# Penghasilan Karya Muzik



## Mengajuk corak irama



1. Dengar audio dan ajuk kembali corak irama di bawah.

Dengar

Ajuk

Dengar

Ajuk

Dengar dan ajuk corak irama

Dengar

Ajuk

Dengar

Ajuk

## Improvisasi corak irama



2. Dengar contoh soal dan jawab corak irama di bawah.

Dengar

Jawab

Dengar

Jawab

Dengar dan jawab corak (Contoh)

Dengar dan jawab soalan corak irama berikut.

Dengar

Jawab

Dengar

Jawab

## Mencipta corak irama



3. Cipta satu corak irama berdasarkan meter  $\frac{4}{4}$  dan tuliskan kembali pada ruangan kosong di bawah.

Dengar dan jawab corak (Soalan)

### NOTA GURU

- Bimbing murid mengajuk corak irama yang diberi.
- Corak irama boleh diubah mengikut tahap murid.

S.P

4.1.1 4.1.2 4.1.3 4.1.4





## Pencapaian Diri

Berdasarkan corak irama yang telah anda gubah, persembahkan kembali di hadapan kelas. Anda bebas menggunakan alat muzik yang bersesuaian dengan gubahan anda.



EMK  
Kreativiti



Mencipta

Tandakan tahap penguasaan anda.

	Sederhana Mahir	Hampir Mahir	Mahir
a Memainkan alat muzik secara ensembel dengan teknik, pic dan tempo yang betul.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b Mengamalkan etika dan nilai murni sebelum, semasa dan selepas bermain alat muzik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c Mengajuk corak irama yang didengar.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d Mengimprovisasi corak irama.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
e Mencipta corak irama.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
f Mempersembahkan hasil ciptaan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



Perbanyakkan muka surat ini untuk diedarkan kepada murid. (Muka surat ini juga terdapat dalam CD).

S.P

4.1.4



# Glosari

Ensembel	Persembahan sekumpulan pemuzik sebagai satu unit.
Meter	Panduan kepada bilangan detik bagi setiap bar dalam sesebuah karya muzik.
<i>Mezzopiano (mp)</i>	Sederhana lembut.
<i>Mezzoforte (mf)</i>	Sederhana kuat.
Not	Perlambangan yang mewakili pic.
Pic ( <i>pitch</i> )	Tinggi atau rendahnya bunji.
<i>Staccato</i>	Dimainkan secara pendek atau terputus.
Irama	Pola susunan beberapa not.
<i>Unison</i>	Nyanyian secara berkumpulan yang tiada harmoni.
Tempo	Kelajuan detik dalam sesebuah lagu.
Legato	Dimainkan atau dinyanyikan secara lembut tanpa putus.

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**





RM12.00

ISBN 978-967-2212-53-9



9 789672 212539

FKT174001

